



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 23 BIL 23/2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) TERKINI UNTUK AKTIVITI PENGIMARAHAN DI MASJID UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG KAMPUS GAMBANG DAN PEKAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Merujuk kepada Surat Pemakluman Pelaksanaan Garis Panduan/ Prosedur Operasi Standard (SOP) Baharu bagi Aktiviti Ibadat di Masjid, Surau Kebenaran Jumaat & Surau dan Pengurusan Jenazah Bukan Pesakit Covid-19 Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 dan PKPD (Lokaliti Bersasar) di Negeri Pahang yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Sehubungan dengan itu, Unit Pengurusan Masjid, Pusat Islam & Pembangunan Insan UMP, telah membuat penyelarasan berkenaan **Garis Panduan Aktiviti Pengimaran di Masjid Universiti Malaysia Pahang** bermula **1 Oktober 2021** seperti ketetapan berikut :

1. Pelaksanaan Solat Jumaat dan Solat Fardhu Berjemaah

- i. **Dibenarkan** jumlah jemaah adalah mengikut keluasan kapasiti masjid dan tertakluk kepada kemampuan dan kawalan kepada Jemaah.
- ii. Kapasiti Masjid UMP Kampus Gambang ialah **647 orang** manakala kapasiti Masjid UMP Pekan ialah **603 orang** mengikut penjarakan sosial.
- iii. Kaedah kehadiran jemaah adalah terbuka kepada semua warga UMP dan **digalakkan** yang telah lengkap (2) dos vaksin dengan merujuk (Pekeliling Pentadbiran UMP Bil 10 Tahun 2021)

2. Hanya **Warga UMP yang berada dalam kariah / lokaliti UMP Kampus Gambang & Pekan sahaja (termasuk staf yang hadir bertugas di pejabat pada hari tersebut) adalah dibenarkan bersolat di Masjid UMP**. Bagi staf/ pelajar/ individu selain warga UMP yang tinggal diluar daripada kawasan UMP tidak dibenarkan untuk hadir Solat di Masjid UMP.

- i. Pintu Masjid akan mula dibuka seawal **1 jam sebelum Solat Jumaat dan 30 minit sebelum solat Fardhu**. Sila hadir awal untuk mengelakkan kesesakan di pintu masuk Masjid.

- ii. Individu yang sedang dalam **tempoh isolasi, kontak rapat (CC 1 dan CC 2) atau yang mempunyai gejala dan kontak rapat sama ada dengan pesakit Covid-19 ataupun mereka yang datang dari zon merah** adalah **DILARANG** daripada menghadiri sebarang aktiviti di masjid dan diwajibkan untuk kuarantin sendiri bagi mengelakkan penularan dalam kalangan jemaah Masjid.
- 3.** Kuliah Maghrib dan Subuh sahaja **dibenarkan** dan tempoh masa kuliah Maghrib adalah di antara waktu Maghrib dan Isyak manakala tempoh masa kuliah Subuh adalah sehingga masuk waktu *isyraq* sahaja.
- 4.** Kuliah atau kelas pengajian ilmu selain kuliah Maghrib dan Subuh hendaklah mendapat kebenaran daripada **JAIP/ PAID** setempat.
- 5.** Para Jemaah dikehendaki untuk **mematuhi Amalan Norma Baharu** ketika hadir ke masjid seperti berikut:
- i. Membawa Sejadah bersaiz besar ketika hadir ke masjid (minimum 110cm x 70cm)
 - ii. Mengimbas Suhu & Catatkan Kehadiran melalui Aplikasi MySejahtera (*Check In & Check Out*).
 - iii. Sentiasa mamakai pelitup separuh muka ketika berada dalam masjid.
 - iv. Tidak membuat aktiviti berkumpul sebelum dan selepas solat sama ada didalam atau diluar masjid.
 - v. Sentiasa mematuhi Amalan Penjarakan Fizikal ketika berada dalam kawasan masjid.
- 6.** Warga UMP adalah **digalakkan** memperbanyakkan membaca al-Quran, doa dan zikir kepada Allah SWT sekurang-kurangnya:-
- i. Beristighfar sebanyak 100 kali
 - ii. Berselawat kepada Nabi Muhammad SAW 100 kali
 - iii. Bertahlil sebanyak 100 kali
- 7.** Pengurusan Jenazah **dibenarkan** dan merujuk SOP Pengurusan Jenazah Bukan Pesakit Covid -19 yang disediakan.
- 8.** Pemantauan secara mengejut akan dibuat pada bila-bila masa oleh Pasukan Pemantau Pematuhan SOP yang telah dilantik oleh Pihak Berkuasa. Kegagalan mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan boleh menyebabkan tindakan undang-undang akan diambil kepada mereka yang gagal mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
- 9.** Para Jemaah dipohon memberikan kerjasama bagi mematuhi SOP Aktiviti Pengimarahen Masjid UMP untuk mengelakkan daripada Pembatalan Kebenaran kepada pihak masjid bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pengimarahen di Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Pegawai Pusat Islam & Pembangunan Insan di talian 019-9071543 (Ustaz Md Abdu bin Sahak).

Sekian untuk makluman.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



PROFESOR MADYA DR. RASHIDI BIN ABBAS

Pengarah

Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)

Tarikh: 1 Oktober 2021

s.k Pengarah PKU
Ketua Bahagian Keselamatan

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita